



SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA

SERLAHKAN PESONA DENGAN RUBIES

'Berehat' sebentar daripada pilihan-pilihan hadiah yang membosankan dengan nikmat mengujakan yang boleh dikongsi bersama orang tersayang anda dalam apa jua acara

Kuala Lumpur, 10 Disember 2014 – Seseorang pernah berkata, “Anda menjana pendapatan dengan apa yang anda dapat; anda membina kehidupan dengan apa yang anda beri.” Ada sesuatu yang sangat menawan mengenai sikap memberi. Melihat si penerima bertukar ceria ketika menerima hadiah, tidak kira apa jua acara, adalah satu kegembiraan dan membawa satu keseronokan tersendiri kepada si pemberi. Apakah lagi jika hadiah itu mempunyai makna berbanding hadiah biasa. Dalam gelak tawa dan kegembiraan, mahupun siri kejayaan, perbuatan ringkas seperti memberi ialah sesuatu yang kita hargai.

Bagi mengekalkan makna dan keikhlasan sikap memberi, Nestlé KIT KAT, selaku pemacu global dalam pasaran coklat yang berkisar perkongsian dan kegemaran setiap individu, memperkenalkan coklat bermutu tinggi mereka yang tersendiri, Nestlé KIT KAT Rubies.

Nestlé KIT KAT Rubies dicipta untuk mereka yang mahu melepaskan lelah dan berehat sebentar daripada tekanan tanpa henti dan rutin hidup yang membosankan; sebagai salah satu cara bagi menghargai apa yang terbaik yang ditawarkan dalam kehidupan. Setiap permata coklat ini diadun dengan rasa kasih sayang daripada inti trufel coklat pekat, bahagian tengah wafer yang rangup, dan kepingan-kepingan kacang hazel yang disalut dalam gilapan coklat susu yang halus.

Setiap lapisan dengan penuh kelazatan ini bakal meledakkan pelbagai emosi yang tidak terjangka-diadun bagi menghasilkan rasa sensasi yang paling manis. Krim trufel coklat yang dihasilkan daripada beberapa ramuan bahan terbaik yang didatangkan khas dari Sepanyol, begitu istimewa dan bakal membuat anda dibuai rasa ketika bersama yang tersayang- dalam saat senang dan manis, inti manisnya akan menceriakan hati anda seperti dibuai manja oleh insan tersayang.

Dari kerangupan bahagian tengah wafer yang menjadi teras kelazatannya kepada kepingan-kepingan kacang hazel panggang dikaramel yang rapuh, hidangan manis ini mewarnai selera seseorang dan harus dikongsi bersama mereka yang kita sayangi.

Terdapat keindahan di sebalik rasa manis, rangup dan rasa halus selebut sutera dalam setiap keping coklat, kemudian dibalut dengan bungkus merah lembayung yang mewah lagi menawan, tersusun rapi di dalam kotak dua lapisan yang elegan, seakan memanggil insan tersayang untuk merasai kelazatan coklat tiada bandingan.

Dengan sebatian 1500 perisanya, coklat adalah sangat kompleks— membuatkan pengguna menikmati pusaran rasa yang unik, rasa kebuanan, pedas, berempah, asas dan manis. Perkara terbaik mengenai coklat ialah bukan sahaja sekadar memakannya; namun ianya adalah kesempatan untuk berkongsinya. Coklat telah lama dikaitkan dengan adat memberi- daripada golongan bangsawan kepada orang biasa menghadiahkan individu kesayangan mereka dengan pelbagai bentuk coklat, ianya pilihan yang lazim bagi sambutan untuk keluarga, persahabatan, cinta dan saat-saat romantis.

Sama ada sebagai nikmat tengah malam, pencuci mulut mewah, mahupun pemeriah sambutan, merasai setiap perisa coklat adalah segalanya tentang menghargai dan mencipta kenangan-kenangan bersama individu yang anda sayangi.

Hadiah yang paling diingati dan sangat bermakna seseorang pernah bayangkan untuk diterima, ialah sesuatu yang seseorang harus beri. Nestlé KIT KAT Rubies melengkapkan maksud keikhlasan memberi daripada hati. Satu hadiah yang ideal untuk mana-mana acara, kerana ia memberikan kedua-dua si pemberi dan penerima satu detik rehat yang lebih membahagiakan.

Raikan bersama Nestlé KIT KAT Rubies. Berehat sebentar bersama KIT KAT.

Mengenai Nestlé KIT KAT

Ditubuhkan pada 1935, KIT KAT menjadi sebahagian daripada rangkaian produk konfeksi Nestlé pada 1988 dan berkembang menjadi jenama coklat nombor satu di Malaysia. Dinikmati oleh golongan muda mahupun tua, snek ringan ini boleh didapati di lebih 11 negara di serata Asia.

Ungkapan yang biasa didengar, “Berehat sebentar bersama KIT KAT”, menceritakan dengan tepat keseronokan rasa wafer yang disalut coklat bila-bila seseorang memerlukan masa rehat buat seketika, seperti di tengah-tengah kerja yang memerlukan. Rasai nikmat ini bila-bila masa, di mana juga.

Ini ialah bagaimana cara untuk berehat seketika, gaya KIT KAT:

1. Tolak keluar wafer daripada pembalut merahnya.
2. Toreh pembalut aluminium jejari wafer dengan kuku anda.
3. Patahkan satu jejari wafer pada sekali masa.
4. Bahagi dua kepingan wafer, dan makan!

Press Release is issued on behalf of Nestlé KIT KAT Rubies by INK PR & Publications

For further media information, please contact: **INK PR & Publications**

(Owned by Brainchild & Sputnik Communications Sdn Bhd)

Ms Aw Li-Ann | +6012 207 8285 | li-ann@ink.net.my

Ms Abygayle Brani | +6012 391 9450 | abygayle@ink.net.my